

MOHD FAHMI ISMAIL, NUR FARHANA ABDUL MANAN & NOR AZIHAN MO GHAZALI

Sapa sangka Sungai Klang yang dahulunya terkenal dengan imej sungai penuh kekotoran dan sampah sarap kini sudah berubah wajah.

Media massa pula sering kali menyiarkan isu lambakan sampah yang meninggalkan persepsi kurang baik kepada masyarakat.

Namun, segala-galanya tampak berubah apabila hasil inisiatif semua pihak terutama Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang tampil ke hadapan mahu mengubah tanggapan dan senario di Sungai Klang.

Begitu juga peranan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang bertindak mengurus operasi pengurusan sisa pepejal setempat di kawasan tersebut.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati Sungai Klang pada hari ini semakin bersih. Ada yang menjalankan aktiviti memancing, membawa anak bersiar-siar serta berjoging di sekitar jambatan.

Seperti kenyataan Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin baru-baru ini, apabila sungai bersih, pihaknya berpeluang menarik pelancong, sekali gus mempromosikan Sungai Klang khususnya di Jambatan Kota yang kini menjadi tumpuan pengantin melakukan penggambaran selain kawasan sekitar Sungai Klang juga dihiasi lukisan mural untuk sesi fotografi.


Ini tidak menghairankan kerana dalam pembentangan Belanjawan Selangor lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan peruntukan RM15 juta untuk memulihara dan membangunkan Sungai Klang.

Buaya pun serasi

Berikutan kerja-kerja pemuliharaan Sungai Klang yang mengikut perancangan, kini

Sungai Klang berubah wajah

Inisiatif pelbagai pihak ubah senario sungai jadi destinasi tumpuan pengunjung



Masjid Bandar Diraja Klang yang tersergam indah antara mercu tanda yang terdapat di Sungai Klang.

banyak habitat dan hidupan liar seperti buaya mulai 'melawat' dan 'singgah' di kawasan berkenaan.

Kecoh jugalah beberapa bulan lalu apabila bukan seekor tetapi tiga ekor buaya yang dikatakan muncul di sungai bersejarah itu.

Malah, pihak MPK sendiri akui buaya ini dapat dijadikan satu tarikan baharu di bandar Klang di mana belum ada lagi buaya masuk ke kawasan bandar.

Difahamkan, setakat ini kehadiran buaya di sungai itu tidak mendatangkan ancaman kepada orang ramai.

Bagaimanapun, pihak MPK telah mengambil tindakan awal bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini dengan memasang papan tanda amaran di sekitar Sungai Klang.

MPSJ proaktif kekang masalah

Kes pembuangan sampah yang berleluasa di tepi Sungai Klang beberapa tahun lalu didakwa berkarangan selepas Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bersama agensi penguat kuasa lain mengambil beberapa langkah bagi mengekang masalah daripada berlanjutan.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ,

Mohd Zulkurnain Che Ali berkata masih berlaku pembuangan sampah di tepi Sungai Klang membabitkan kawasan berhampiran kilang perindustrian kampung Lembah Kinrara serta kampung Bukit Lanchong.

Namun katanya, jumlah pembuangan sampah kini terkawal dengan pemantauan berkala dibuat pihaknya hampir setiap hari.

Mohd Zulkurnain berkata, longgokan sampah hampir 100 meter di tebing sungai sebelum ini yang menjadi keresahan penduduk juga sudah dibersihkan selepas majlis terima aduan daripada penduduk dan ambil

tindakan penguatkuasaan sejak dua tahun lalu.

Bellau berkata, pihak majlis tidak melakukan penyelenggaraan di tebing Sungai Klang kerana ia di bawah bidang kuasa Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), pihaknya hanya melakukan pemantauan berkala, turun ke lokasi setiap hari.

"Kes pembuangan sampah ini sukar diselesaikan sepenuhnya selagi tiada pembangunan di tepi Sungai Klang, terdapat pihak tak bertanggungjawab ambil kesempatan buang sampah bila ada peluang," katanya.

Ahli Majlis MPSJ, George Yap berkata, pihaknya tidak lagi menerima aduan daripada penduduk berhubung kes

pembuangan sampah dan pembakaran terbuka di kawasan industri Lembah Kinrara berbanding sebelum ini.

"Sekarang saya dapat kes buang sampah tepi sungai tu dah tiada, dulu memang serius tapi lepas Pejabat Tanah dan Daerah Petaling bina jalan dan pagarkan kawasan, masalah selesai," katanya.

Sementara itu, pemerhatian dibuat *Sinar Harian* mendapati kes pembuangan sampah haram yang dilaporkan serius dua tahun lalu kini sudah berkurangan di lokasi terabit apabila pihak majlis membersihkan kawasan selain pagar dipasang pihak berkenaan bagi mengelakkan lori muang sampah ke sungai.

MPK fokus beri kesedaran pulihara sungai

Majlis Perbandaran Klang (MPK) memberi tumpuan dari segi kesedaran kepada masyarakat berbanding penguatkuasaan undang-undang dalam usaha menjaga dan memulihara Sungai Klang.

Yang Dipertua, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, jika penguatkuasaan undang-undang dijalankan secara berterusan, pihaknya yakin usaha memulihara Sungai Klang akan mencapai sasaran.

"Jadi kita fokus kepada kempen kesedaran agar masyarakat dapat memupuk rasa cintakan alam sekitar.

"Kita menyokong sebarang aktiviti gotong-royong dan pembersihan melibatkan masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Menurutnya, aktiviti terbaru adalah program melontar bebola enzim yang



Pemasangan pagar besi mengekang lori pembuangan sampah haram di tepi Sungai Klang.

merupakan bahan semula jadi berfungsi untuk memulihara dan membersihkan Sungai Klang.


"MPK turut mempromosikan kawasan Sungai Klang sebagai salah satu lokasi pelancongan menarik sempena Tahun Melawat Klang, Pelbagai aktiviti diadakan seperti pertandingan fotografi yang memaparkan keunikan dan keindahan Sungai Klang," katanya.

Bellau berkata, pihak majlis turut menganjurkan Larian Jambatan Kota yang disertai lebih

2,000 peserta sebelum ini.

"MPK turut memberi tumpuan membendung pencemaran kualiti air di Sungai Klang dengan meningkatkan kesedaran pengilang," katanya.

Mengulas usaha pembersihan Sungai Klang, Mohamad Yasid berkata, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) Waste Management telah membina tiga perangkap sampah di sepanjang sungai untuk mengawal sungai daripada dicemari pelbagai jenis sampah.



Lukisan mural dan grafiti yang menjadi daya penarik pengunjung untuk bergambar dan bersafot.